

Bimbang ancaman perangkap maut

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
norlida@kosmo.com.my

KLANG – Sudah banyak kali penduduk Taman Pangkalan Batu mengadu mengenai lubang air sedalam tiga meter di sini yang tidak berpagar atau mempunyai penghadang keselamatan, namun keadaannya tetap tidak berubah.

Dakwa penduduk, keadaan itu dikhuatiri boleh menjadi perangkap maut memandangkan ia terletak berhampiran jalan utama dan tiada lampu untuk menerangi kawasan itu.

Tinjauan *KOSMO!* semalam mendapati, dakwaan itu ada benarnya kerana tiada sebarang tanda amaran disediakan di sekitar kawasan kunci air milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Klang itu.

Seorang penduduk, Mohd. Jamaluddin Ahmad, 58, berkata, keadaan itu bertambah bahaya pada waktu malam kerana kawasan tersebut gelap dan sukar untuk pengguna mengagak kedudukan lubang kunci air tersebut.

“Takut juga kalau-kalau ada penunggang motosikal atau pemandu kenderaan yang terbabas lalu terjatuh ke dalam lubang ini,” katanya.


Menurutnya, lubang kunci air berkenaan terletak betul-betul di tepi jalan tidak berturap yang menjadi laluan pintas penduduk Kampung Kuantan dan Kampung Pandan di situ.

Talib Karim, 38, berkata, golongan dewasa mungkin boleh mengagak bahaya lubang itu, tetapi ia membahayakan kanak-kanak yang bermain di kawasan berkenaan.

“Lokasi kunci air ini terletak berdekatan dengan taman permainan kanak-kanak dan tidak mustahil jika mereka bermain di situ,” ujarnya.

Sementara itu, Asmah Mohamad, 33, berharap Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan JPS memagar lubang tersebut selain meletakkan papan tanda amaran mengenai bahaya kawasan kunci air berkenaan.

“Dengan cara ini, keselamatan orang ramai akan lebih terjamin,” ujarnya.



KUNCI air yang tiada tanda amaran ini boleh mengundang kemalangan kepada orang ramai di Taman Pangkalan Batu, Klang.